

PERJANJIAN & DOKUMEN LAMA
MALAYSIA

OLD TREATIES & DOCUMENTS
OF MALAYSIA

1791 - 1965

4595

Dari Zaman Kesultanan Melaka hingga Pemasyhuran Malaysia dan Pemisahan Singapura.

Buat julung kalinya, terbitlah sebuah buku yang memuatkan himpunan perjanjian lama dan dokumen penting tentang Malaysia. Bahan yang dipaparkan menunjukkan sorotan peristiwa bersejarah yang berlaku di tanah air, dari Zaman Kesultanan Melayu dan penjajahan kuasa asing hinggalah zaman perjuangan kemerdekaan.

Teks sumber dalam Himpunan Perjanjian dan Dokumen Lama Malaysia dicungkil daripada khazanah ilmu Arkib Negara Malaysia dan dibentangkan di sini dalam bentuknya yang lengkap. Buku ini mengandungi maklumat sejarah yang berharga dan boleh dijadikan iktibar dan rujukan oleh para profesional, pelajar dan segenap lapisan masyarakat. Ia merupakan buku pertama seumpamanya di Malaysia dan hanya yang ke-4 di dunia.

From the Malacca Sultanate Era to the Declaration of Malaysia and Separation of Singapore

For the first time a book compiling old treaties and important documents on the formation of Malaysia is published. The materials presented show the sequence of historical events which took place in Malaysia since the Malacca Sultanate and colonial era to the struggle for independence era.

The source texts in Old Treaties and Documents of Malaysia are derived from the knowledge heritage kept at the National Archives of Malaysia and presented here in their complete form. These valuable reference materials contain historical information which can serve as a lesson and reference for professionals, students and all levels of society.


This book is the first of its kind in Malaysia and the fourth of its kind in the world.

PERJANJIAN & DOKUMEN LAMA MALAYSIA

OLD TREATIES & DOCUMENTS
OF MALAYSIA

1791 - 1965





TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

PERJANJIAN & DOKUMEN LAMA MALAYSIA

OLD TREATIES & DOCUMENTS
OF MALAYSIA

1791 - 1965



Institut Terjemahan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2008

PUSTAKA PERDANA



1011832

#117612

Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
(No. Syarikat: 276206-D)
Wisma ITNM, No. 2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: 603-4149 7210 Faks: 603-4143 2939
E-mel: publishing@itnm.com.my

Laman Web: www.itnm.com.my

Cetakan Pertama 2008
© Karya oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, Wisma ITNM, No. 2, Jalan 2/27E, Seksyen 10, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad

Perjanjian & dokumen lama Malaysia 1791-1965; old treaties & documents
of Malaysia 1791-1965.

Bibliografi: ms. 143-145

ISBN 978-983-068-305-8

ISBN 978-983-068-304-1 (kkt.)

1. Treaties--Collections--1791-1965. 2. Malaysia--Foreign relations--
Treaties--1791-1965. I. Judul: Old treaties & documents of Malaysia
1791-1965.

341.0264595

Dicetak oleh: Attinpress Sdn. Bhd.

No. 46, Jalan 3/108, Taman Salak Jaya,

Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur.

341.0264595
PER

Kandungan/Contents

Prakata	ix
<i>Foreword</i>	<i>xi</i>
Penghargaan	xiii
<i>Acknowledgements</i>	<i>xiii</i>
Catatan Editor	xv
<i>Editor's Notes</i>	<i>xxi</i>
Mukadimah	xxvii
<i>Introduction</i>	<i>xxxiii</i>
1. Persetiaan dengan Sultan Kedah, 1791	1
<i>Treaty with the King of Quedah, 1791</i>	<i>125</i>
2. Persetiaan dengan Naning, 1801	5
<i>Treaty with Naning, 1801</i>	<i>129</i>
3. Perjanjian Sir Stamford Raffles, 1819	11
<i>Sir Stamford Raffles' Agreement, 1819</i>	<i>135</i>
4. Persetiaan antara Great Britain dengan Johor, 1824	13
<i>Treaty between Great Britain and Johore, 1824</i>	<i>137</i>
5. Perjanjian Belanda, 1824	19
<i>Treaty of Holland, 1824</i>	<i>143</i>
6. Penyerahan Pemerintahan Sarawak oleh Pangeran Muda Hassim, 1841	25
<i>Transfer by Pangeran Muda Hassim of the Government of Sarawak, 1841</i>	<i>149</i>
7. Tauliah daripada Sultan Borneo yang Melantik Gustavus Baron de Overbeck sebagai Maharaja Sabah (Borneo Utara) dan Raja Gaya dan Sandakan, 1877	27
<i>Commission from Sultan of Borneo Appointing Gustavus Baron de Overbeck Maharajah of Sabah (North Borneo) and Rajah of Gaya and Sandakan, 1877</i>	<i>151</i>
8. Perjanjian yang Dibuat oleh Pembesar Perak di Pulau Pangkor, 1874	31
<i>Engagement Entered into by the Chiefs of Perak at Pulo Pangkor, 1874</i>	<i>155</i>
9. Pemasyhurannya Selangor, 1875	37
<i>Proclamation of Selangor, 1875</i>	<i>159</i>

10.	Pemasyhuran Pahang, 1889 <i>Proclamation of Pahang, 1889</i>	39 161
11.	Perjanjian antara Gabenor Negeri-negeri Selat yang Bertindak bagi Pihak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Undang Luak-Luak yang selepas ini Dinamakan Negeri Sembilan, 1895 <i>Agreement between the Governor of the Straits Settlements Acting on behalf of Her Majesty's Government and the Rulers of Certain Malay States hereinafter Called the Negri Sembilan, 1895</i>	41 163
12.	Persetiaan Persekutuan, 1895 <i>Treaty of Federation, 1895</i>	45 167
13.	Perjanjian antara Great Britain dengan Siam, 1909 <i>Treaty between Great Britain and Siam, 1909</i>	49 171
14.	Perjanjian antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain dengan Kerajaan Kelantan, 1910 <i>Agreement between His Britannic Majesty's Government and the Government of Kelantan, 1910</i>	53 175
15.	Perjanjian antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda King dengan Kerajaan Terengganu, 1910 <i>Agreement between His Majesty's Government and the Government of Trengganu, 1910</i>	57 179
16.	Perjanjian antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain dengan Negeri Johor, 1914 <i>Agreement between His Britannic Majesty's Government and the State of Johore, 1914</i>	61 183
17.	Perjanjian antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda King Great Britain dengan Negeri Kedah, 1923 <i>Agreement between His Britannic Majesty's Government and the State of Kedah, 1923</i>	65 187
18.	Perisytiharan Panglima Tentera Jepun, 1942 <i>Declaration of the Commander of the Nippon Army, 1942</i>	69 191
19.	Perjanjian antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda King United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara dengan Negeri Perlis, 1945 <i>Agreement between His Majesty's Government within the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and the State of Perlis, 1945</i>	73 195

20.	Ordinan Peraturan Darurat, 1948	75
	<i>The Emergency Regulations Ordinance, 1948</i>	197
21.	Perjanjian Penubuhan Perjawatan Malaya, 1948	77
	<i>Agreement for the Constitution of a Malayan Establishment, 1948</i>	199
22.	Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1957	83
	<i>The Federation of Malaya Agreement, 1957</i>	205
23.	Pemasyhuran Kemerdekaan, 1957	93
	<i>Proclamation of Independence, 1957</i>	215
24.	Perjanjian Berhubung dengan Malaysia, 1963	97
	<i>Agreement Relating to Malaysia, 1963</i>	219
25.	Pemashhoran Malaysia, 1963	103
	<i>Proclamation of Malaysia, 1963</i>	225
26.	Akta Perlembagaan dan Malaysia (Pindaan Singapura), 1965	107
	<i>Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Act, 1965</i>	229
	Lampiran I	113
	<i>Annexe I</i>	233
	Lampiran II	115
	<i>Annexe II</i>	235
	Bibliografi	119
	<i>Bibliography</i>	237
	Rujukan	121
	<i>References</i>	239



Prakata

Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) amat berbangga kerana buat julung kalinya dapat menerbitkan sebuah buku sejarah berjudul *Perjanjian dan Dokumen Lama Malaysia 1791–1965* yang memaparkan perjanjian dan dokumen lama berhubung Negeri-negeri Melayu dan Malaysia dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Dengan terbitnya buku ini, maka lahirlah satu lagi bahan rujukan penting yang dapat menambah khazanah ilmu bercorak sejarah dalam koleksi buku sejarah tanah air.


Penerbitan buku ini selaras dengan usaha ITNM untuk mengetengahkan perjanjian dan dokumen lama yang penting dan masyhur dalam sejarah Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia. Buku ini menyingkap peristiwa penting yang berlaku dan perlu dihayati untuk dijadikan iktibar tentang kesan sesuatu perjanjian terhadap kebebasan dan kedaulatan negara. Kesan daripada Perjanjian yang rata-rata bercorak membelenggu telah menimbulkan kesedaran dan semangat juang yang tinggi untuk membebaskan negara daripada penjajah. Perjanjian demi perjanjian ditandatangani dalam usaha kita mendapatkan keadilan dan kemerdekaan dan seterusnya membentuk sebuah negara yang merdeka.

Sesungguhnya, perjanjian dan dokumen lama ini merupakan bukti bagi pelbagai peristiwa penting yang berlaku antara pihak pemerintah dengan pihak penjajah yang selama ini terkunci dan tidak diketahui tentang apa yang sebenarnya berlaku pada zaman tersebut. Kita akan mendapat maklumat yang akan mengubah persepsi kita tentang apa yang telah termaktub dalam sejarah. Buku ini juga diharap akan menjadi asas untuk kita meningkatkan jati diri di samping memperteguh dan membakar semangat kita untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Semoga buku ini dapat diterima baik oleh semua pihak dan dimanfaatkan sebagai bahan rujukan atau bahan penyelidikan yang berguna oleh masyarakat Malaysia yang mendukung warisan negara bangsa khususnya dan masyarakat luar negara amnya.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Arkib Negara Malaysia atas segala kerjasama yang diberikan bagi menjayakan penerbitan buku ini. Semoga usaha penerbitan ini akan menjadi penggerak kepada usaha lanjut untuk mengkaji dan menerbitkan dokumen lama berhubung Negeri-negeri Melayu dan Malaysia dalam bentuk buku.

Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh
Pengerusi
Institut Terjemahan Negara Malaysia



Foreword

The Malaysian National Institute of Translation (ITNM) is proud to produce, for the very first time, a bilingual history book titled *Old Treaties and Documents of Malaysia 1791–1965* comprising old treaties and documents related to the Malay states and Malaysia in both the English language and *Bahasa Melayu*. With this book, we now have another important source of reference on the history of our nation, adding to our collection of history books on Malaysia.

The publication of this book responds to ITNM's intent to project famous and important old treaties and documents related to the history of Malaya and the formation of Malaysia. The book reveals significant events that should be appreciated as lessons learnt in terms of the relevance of an agreement to Independence and national sovereignty. It was these treaties that partly fired a national consciousness to free the country from the shackles of colonial powers. Each agreement signed brought us closer to justice and finally to an independent nation.

In fact, these old treaties and documents bear testimony to various vital events that transpired between the rulers and the colonial powers that have been kept for a long time, unknown to most of us. Through these documents, we will be privy to information that could change our perception on what has been documented in history. It is also hoped that this book will act as a springboard in defining our identity and strengthening our national consciousness to defend the sovereignty of our nation.

It is hoped this book will be well received by all parties and benefit all concerned as a source of reference or a research document useful for Malaysians, in particular, in the quest to preserve the national heritage, and for the international readers, in general.

Finally, I would like to express my utmost appreciation to the National Archives of Malaysia for its collaboration and support in producing this book. Will this publication inspire further efforts to study old documents related to the Malay states and Malaysia and to publish them in the form of a book.

Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh
Chairman
Malaysian National Institute of Translation



Penghargaan

Buku ini tidak mungkin terhasil tanpa sokongan dan kerjasama Arkib Negara Malaysia kerana telah menyediakan hampir semua bahan sumber yang digunakan. Terima kasih juga kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim dan Profesor Madya Shakila Yacob sebagai penasihat tentang sejarah dan dokumen sumber. Tidak ketinggalan juga Dr. Annabel Teh Gallop atas pandangan membina beliau terhadap penghasilan buku ini, Mokhtar Ahmad selaku penterjemah dan Yusof Cha sebagai editor.

ITNM

Acknowledgements

This book would not have been possible without the support and co-operation of the National Archives of Malaysia for providing most of the source materials. Appreciation also goes to Professor Emeritus Dato' Dr. Khoo Kay Kim and Associate Professor Shakila Yacob as advisors on history and source documents, Dr. Annabel Teh Gallop for her constructive views, Mokhtar Ahmad as the translator and Yusof Cha as the editor.

ITNM



Catatan Editor

Perjanjian dan dokumen lama Malaysia yang dibukukan ini merupakan sebahagian daripada dokumen penting yang kini telah menjadi bahan sejarah. Ia tersimpan rapi sama ada di institusi dalam negara seperti Arkib Negara Malaysia, perpustakaan di universiti tempatan atau naskhah asalnya tersimpan di institusi luar negara. Perjanjian atau dokumen lama yang diterbitkan ini secara khususnya turut dikenali sebagai *triti*, *perjanjian* atau *persetiaan*.

Triti ditakrifkan¹ sebagai perjanjian bertulis antarabangsa antara dua buah negara (*triti dwipihak*) atau dalam kalangan beberapa buah negara (*triti berbilang pihak*). Perjanjian sedemikian juga dikenali sebagai *konvensyen* (contohnya, Konvensyen Geneva) atau *protokol* (misalnya, Protokol Kyoto) atau *pakatan* seperti Pakatan Pertahanan Lima Negara (Five Power Defence Pact). Lazimnya, *triti* diputuskan melalui proses ratifikasi dan di Malaysia ia berkuat kuasa sebagai undang-undang munisipal setelah diratifikasi dan dikuatkuasakan melalui Akta Parlimen.

Sebaliknya, *perjanjian* membawa takrif yang lebih luas. Selain meliputi *triti* dalam undang-undang antarabangsa, istilah itu juga digunakan dalam undang-undang syarikat dan perdagangan serta dalam penggunaan umum. Perjanjian bermaksud persetujuan yang dibuat antara dua pihak atau lebih, sama ada secara bertulis ataupun lisan. Sesuatu perjanjian yang menuntut kesetiaan tak setara daripada suatu pihak kepada pihak lain boleh dinamakan *persetiaan*.

Dianggarkan terdapat lebih daripada 200 buah dokumen/perjanjian yang melibatkan negeri-negeri Melayu di Semenanjung dalam hubungannya dengan British dari tahun 1786 hingga 1957. Anggaran ini tidak termasuk dokumen yang berupa laporan pegawai British kepada Kerajaan India British sehingga tahun 1867 dan selepas itu Pejabat Jajahan di London, dan warkah raja dan pembesar Melayu kepada British. Sejumlah 100 naskhah warkah itu telah dibukukan.² Dokumen/perjanjian yang banyak ini merekodkan 'kebebasan' setiap negeri kecil (*petty states*) Melayu dalam menjalin hubungan luar dan sesetengah urusan dalaman mereka; dan 'kesediaan' British mengikat perjanjian dengan raja dan pembesar Melayu bagi menangkis pengaruh Belanda (satu kuasa penjajah pesaing British di rantau ini ketika itu) dan Siam, negara jiran yang berpengaruh di negeri-negeri utara Semenanjung. Dikatakan hubungan luar dan urusan dalaman yang diatur melalui perjanjian ini dan sesetengah dokumen lain adalah pada tahap bilangan

1 *Oxford Dictionary of Law* 2003:507. Lihat juga *Kamus Undang-undang Bahasa Inggeris–Bahasa Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur 2002:574.

2 *Warisan Warkah Melayu*, Gallop, A.T., The British Library 1994.

yang luar biasa dalam sejarah.³ Melalui perjanjian jugalah negeri-negeri kecil ini bersekutu atau disekutukan kepada negeri yang lebih besar (Negeri Sembilan: Perjanjian 8 hb. Ogos 1895) atau persekutuan negeri-negeri (Negeri-negeri Melayu Bersekutu: Persetiaan Persekutuan 1895) dan negara (Persekutuan Tanah Melayu: Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1957 dan Malaysia: Perjanjian Berhubung dengan Malaysia, 1963).

Antara dokumen/perjanjian ini terdapat dokumen yang tidak pernah ditandatangani oleh mana-mana pihak dan telah disalah anggap sebagai suatu perjanjian⁴ penyerahan Pulau Pinang oleh Sultan Kedah kepada British. Terdapat juga perjanjian-perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Belanda (Perjanjian Belanda, 1824) dan Siam (Perjanjian antara Great Britain dengan Siam, 1909) sahaja yang melibatkan negeri-negeri Melayu. Ada juga perjanjian yang tidak diratifikasi⁵ oleh Pemerintah British, iaitu Gabenor Jeneral India dan Majlis Tertinggi Syarikat Hindia Timur.

Sehingga kini, terdapat beberapa buah sahaja terbitan terdahulu tentang perjanjian berhubung dengan Negeri-negeri Melayu dan Malaysia. Antara yang terkemuka ialah Maxwell & Gibson (ed.) [1924, London], Allen, Stockwell & Wright (ed.) [1981, New York] dan Gallop, A.T.⁶ [1994, London]. Maxwell & Gibson memuatkan hampir 140 dokumen di antara tahun 1786⁷ hingga tahun 1921.⁸ Allen, Stockwell & Wright diterbitkan dalam dua jilid dan mengandungi dokumen sehingga tahun 1963 (Penubuhan Malaysia). Gallop, A.T. memuatkan 100 naskhah warkah Melayu terpilih dan dihasilkan untuk Arkib Negara Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 1994.

Buku *Perjanjian dan Dokumen Lama Malaysia 1791–1965* ini berbeza daripada terbitan terdahulu itu kerana ia merupakan terbitan dwibahasa (bahasa Melayu dan Inggeris) sepenuhnya yang terulung dan dihasilkan di Malaysia oleh institusi dan rakyat Malaysia sendiri.

Buku ini mengandungi 26 dokumen/perjanjian lama yang dipilih berdasarkan apa yang dianggap penting, masyhur dan biasa diketahui masyarakat umum, disusun mengikut kronologi, seperti mana Allen, Stockwell & Wright. *Persetiaan*

3 Allen, Stockwell & Wright 1981:1.

4 *Syarat-syarat Sultan Kedah berhubung Penyerahan Pulau Pinang dan Jawapan Gabenor Jeneral dan Majlis kepada Sultan Kedah, 1786* dalam Maxwell & Gibson 1924:95–96. Lihat juga Allen, Stockwell & Wright 1981:130–131.

5 Allen, Stockwell & Wright 1981:370 dan 377–378: *Perjanjian Perak 18 hb. Oktober 1826*.

6 *op. cit.*

7 *Syarat-syarat Sultan Kedah berhubung Penyerahan Pulau Pinang dan Jawapan Gabenor Jeneral dan Majlis kepada Sultan Kedah, 1786* dalam Maxwell & Gibson 1924:95–96.

8 *Konvensyen Kastam antara Siam dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Naungan, 1921*.

dengan Sultan Kedah, 1791 dimuatkan dalam terbitan ini bagi membetulkan salah anggapan umum bahawa Pulau Pinang diserahkan kepada Syarikat Hindia Timur pada tahun 1786. Sebelum Persetiaan tahun 1791 ini ditandatangani orang Inggeris menduduki Pulau Pinang secara paksa. Persetiaan ini merupakan kebenaran rasmi terawal pendudukan orang Inggeris di Negeri-negeri Melayu dan diikuti petempatan British di Singapura (*Perjanjian Sir Stamford Raffles, 1819*).

Dalam Bab 4 dan 5 dimuatkan *Persetiaan antara Great Britain dengan Johor, 1824* dan *Perjanjian Belanda, 1824*. Kedua-dua perjanjian ini penting kerana pertama, ia berhubung penyerahan Singapura kepada British dan kedua, berikutan *Perjanjian Belanda, 1924* British kembali menduduki Melaka secara tetap sehingga tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos tahun 1957 melalui *Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1957* (Bab 22). Dilaporkan⁹ juga bahawa kedua-dua perjanjian tahun 1824 yang tersebut di atas menjadi antara keterangan dalam pendengaran tuntutan bertindih Malaysia-Singapura berhubung Pulau Batu Putih, *Middle Rocks* dan *South Ledge* di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda yang bersidang dari 6–23 November 2007.

Dalam Bab 6 dan 7 dimuatkan dua perjanjian awal masing-masing berhubung antara Sarawak dan Sabah dengan British. Kedua-dua wilayah ini kemudiannya bersekutu dalam Malaysia melalui *Perjanjian Berhubung dengan Malaysia, 1963* (Bab 24).

Pemeteraian *Perjanjian Pangkor, 1874* (Bab 8) dianggap sebagai titik permulaan campur tangan besar-besaran British dalam urusan dalaman negeri-negeri Melayu selepas pengambilan alih tanggungjawab pentadbiran Negeri-negeri Selat oleh Pejabat Jajahan di London daripada Pejabat di India British. Allen, Stockwell & Wright¹⁰ membuat pemerhatian bahawa perjanjian serupa turut dimeterai dengan negeri-negeri Melayu lain sebaik sahaja selepas *Perjanjian Pangkor*. *Perjanjian Pangkor* merupakan contoh rasmi bagi perjanjian seterusnya dengan kebanyakan Negeri-negeri Melayu lain—Selangor (1875), Pahang (1887) dan Negeri Sembilan (bermula pada tahun 1889 dan diikuti dengan *Perjanjian* tahun 1895, Bab 11). Kemudian pada tahun 1895 keempat-empat negeri ini, iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan disekutukan dan dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu melalui *Persetiaan Persekutuan, 1895* (Bab 12).

Perjanjian antara Great Britain dengan Siam, 1909 (Bab 13) penting dalam dua aspek. Pertama, *Perjanjian* itu memindah segala hak ketuanan, naungan, pentadbiran dan kawalan terhadap negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis daripada Siam kepada British. Kedua, ia menjadi asas persempadanan

⁹ Akhbar *Utusan Malaysia*, Khamis 15 November 2007 hlm.1 dan 3 dan *The New Straits Times*, Jumaat 9 November 2007 hlm.20 dan Selasa 13 November 2007 hlm.4.

¹⁰ Allen, Stockwell & Wright 1981:385.

di antara Siam dengan negeri-negeri di utara Semenanjung Tanah Melayu (Lampiran I). Berikutan Perjanjian tahun 1909 ini, British berusaha memperteguh campur tangannya dalam pentadbiran negeri Kelantan dan Terengganu—British tidak bimbang untuk segera campur tangan dalam pentadbiran negeri Kedah dan Perlis kerana Perjanjian tahun 1905 sedia ada antara Britain dan Siam di mana Kedah dan Perlis telah menerima Penasihat British. Melalui Perjanjian tahun 1910, British berjaya campur tangan dalam pentadbiran negeri Kelantan (Bab 14) dan Terengganu (Bab 15).

Perisytiharan Panglima Tentera Jepun, 1942 selepas Jepun berjaya menakluki *seluruh* negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura dalam Perang Dunia II dimuatkan dalam Bab 18. Jepun merupakan penjajah pertama *seluruh* negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Selepas Pemerintahan Jepun dan pada lewat tahun 1945, British yang kembali mentadbir Negeri-negeri Melayu berjaya ‘memujuk’ setiap raja Melayu menandatangani ‘Perjanjian MacMichael’ ke arah Penubuhan Malayan Union. Bab 19 memuatkan, sebagai contoh, ‘Perjanjian MacMichael’ berhubung negeri Perlis.

Perjanjian Penubuhan Perjawatan Malaya, 1948 yang ditandatangani pada awal tahun itu (Bab 21) merupakan usaha British menubuhkan perkhidmatan awam dalam Malayan Union. Walaupun Malayan Union gagal kerana ditentang oleh orang Melayu, Perjanjian 1948 ini menjadi asas penubuhan perkhidmatan awam Malaysia kini.

Pada pertengahan tahun 1948, A.T. Newbould, Pesuruhjaya Tinggi British mengisytiharkan darurat dan perisytiharan itu meliputi seluruh Persekutuan Tanah Melayu (Bab 20). Darurat berlarutan sehingga selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1957 (Bab 22) merupakan dokumen yang penting kerana Negeri-negeri Melayu (termasuk Pulau Pinang dan Melaka) mencapai kemerdekaan daripada British dan mengambil nama Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1963 Sabah, Sarawak dan Singapura bersekutu dengan Persekutuan Tanah Melayu melalui perjanjian (Bab 24) dan tertubuhlah Malaysia. Namun dua tahun kemudian, Singapura dipisahkan daripada Malaysia melalui Akta Parlimen (Bab 26). Dengan memasuki Malaysia pada tahun 1963 dan kemudian dipisahkan daripada Malaysia pada tahun 1965, Singapura mencapai kemerdekaannya daripada British melalui Malaysia.

Antara dokumen yang terkandung di dalam buku ini adalah teks asal bahasa Melayu (Bab 25; *Pemashhoran Malaysia, 1963*) atau teks transliterasi daripada tulisan Jawi (Bab 23; *Pemasyhuran Kemerdekaan, 1957*) dan teks asal bahasa Inggeris. Semua teks asal dibentangkan seadanya bagi mengekalkan keaslian penulisannya. Namun kebanyakan dokumen di dalam buku ini adalah terjemahan

daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Segala hal ini dicatatkan dalam nota kaki pada setiap bab.

Maxwell & Gibson mengambil pendekatan yang lebih ketat dalam membezakan *treaties, agreements, engagements, protocols* dan *conventions* (mereka mungkin lebih mengetahui kerana pada suatu masa, Maxwell dan Gibson masing-masing merupakan Ketua Setiausaha Kerajaan dan Penasihat Undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu!) berbanding Allen, Stockwell & Wright yang hanya menamakan dokumen itu sebagai sama ada *treaties* atau *documents*.

Dalam proses menterjemah buku ini (tiada terjemahan daripada bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris), usaha diambil bagi menghasilkan terjemahan yang sejadi dan serasi dalam bahasa Melayu. Maka usaha itu pastinya berdepan dengan proses memilih perkataan dan ungkapan yang lebih sesuai dan sepadan dalam bahasa sasar, iaitu bahasa Melayu. Namun dalam beberapa hal terdapat sesetengah pangkat, jawatan dan gelaran hormat pembesar-pembesar Inggeris yang tiada padanannya dalam bahasa Melayu (lihat Bab 5; *Perjanjian Belanda, 1824*). Dalam keadaan ini, pangkat, jawatan dan gelaran hormat itu dikekalkan (tidak diterjemahkan) kerana difikirkan perkara ini tidak menjejaskan maksud sebenar dokumen asal.

Sehubungan itu, juga diketahui bahawa pangkat, jawatan dan gelaran hormat raja dan pembesar Melayu adalah lebih khusus. Dalam teks bahasa Inggeris diperihalkan *His Highness* dan *His Excellency* yang masing-masing diberikan kepada raja (walaupun baginda hanyalah seorang pemangku raja) dan pembesar lain. Dalam usaha menterjemah buku ini, ketelitian diberikan dalam memilih ungkapan bahasa Melayu bagi pangkat, jawatan dan gelaran hormat raja dan pembesar Melayu.

Suatu perkara lain yang termaklum ialah *treaty* (banyak terdapat dalam teks sumber bahasa Inggeris) boleh dipadankan dengan *triti, perjanjian* atau *persetiaan*. Di sini, jika sesuatu *treaty* itu lebih memihak kepada sesuatu pihak, ia diberikan padanan *persetiaan* (lihat misalnya, Bab 2; *Persetiaan dengan Naning, 1801* dan bandingkan *Perkara X* dengan *Perkara XI*) manakala selainnya diberikan padanan *perjanjian*. Namun tidaklah dinafikan bahawa dalam mempertimbangkannya, mungkin ada pendapat yang berbeza walaupun penelitian diberikan dalam pertimbangan dan pemilihannya.

Dalam penterjemahan dokumen lama, sememangnya perkataan dan ungkapan usang akan ditemui. Perkara ini tidak terkecuali dalam menghasilkan buku ini (lihat misalnya, *bhar, Mussulman*, dan *Heathen* dalam *Chapter 2; Treaty with Naning, 1801* dan *bottoms* dalam *Chapter 5, Treaty of Holland, 1824*). Berpandukan kamus lama seperti *Oxford Dictionary*, ketelitian diberikan dalam mengkaji maksud perkataan dan ungkapan usang ini sebelum dipilih padanannya dalam bahasa Melayu dengan berpandukan istilah Inggeris-Melayu dan kamus sedia ada.

Selain itu, terdapat juga gelaran dan nama tempat yang dieja menurut sebutan Inggeris penulis dokumen itu (lihat misalnya, *Iang de per Tuan, Toonkoo* dan *Quedah* dalam *Chapter 1*, atau *River Panagie* dalam *Chapter 2*, atau *Kuala Tabar* dalam *Annexe I*). Untuk itu, usaha dibuat bagi “menterjemahkannya” ke dalam bahasa Melayu supaya difahami pembacanya dan dapat dikaitkan dengan gelaran dan nama semasa.

Juga terdapat istilah asing (lihat misalnya, *thalweg* dalam *Annexe I*) yang dkekalkan ejaannya apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (rujuk DBP; *Istilah Undang-undang*, 2003:81 atau Mahkamah Agung Malaysia; *Daftar Istilah Undang-undang* 1990:236). Setakat yang boleh dilakukan, usaha dibuat bagi memperjelas istilah sedemikian dengan menggunakan nota kaki.

Selanjutnya, terdapat juga keadaan apabila dokumen yang diperoleh dan dijadikan sumber adalah “kurang lengkap” (lihat *Annexe I* dan *Annexe II*) dan usaha mengesan dan melengkapkannya menemui jalan buntu. Dalam keadaan ini, nota kaki disediakan bagi menyatakan “kekurangan” itu.

Dalam beberapa hal, tindakan tidak memasukkan sesetengah dokumen lampiran sengaja diambil (lihat misalnya, Bab 22; *Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1957*) kerana ia terlalu tebal. (*Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, 1957* mengandungi empat lampiran yang keseluruhannya adalah setebal 150 halaman dan sebahagian besarnya ialah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu). Begitu juga halnya dengan Bab 21; *Perjanjian Penubuhan Perjawatan Malaya* (mengandungi dua lampiran yang antaranya menyenaraikan Jabatan dan Perjawatan dalam perkhidmatan kerajaan).

Allen, Stockwell & Wright dalam prakata penerbitan mereka (tahun 1981) menyarankan agar suatu hari kelak akan diterbitkan salinan asal atau terjemahan yang berwibawa dalam bahasa Melayu bagi dokumen dan perjanjian berhubung Negeri-negeri Melayu dan Malaysia—suatu saranan yang seharusnya disahut!

Akhir sekali, diharapkan usaha mengumpul dan menerbitkan dokumen lama dalam bentuk buku, mahupun digital, harus diteruskan dalam usaha membina khazanah warisan bangsa.

YUSOF CHA
Editor

Editor's Notes

These old treaties and documents of Malaysia compiled into a book represent part of important historical documents. They are closely kept at several institutions in the country, be it at the National Archives of Malaysia, the libraries of local universities or their original copies in the custodian of several institutions abroad. These old agreements and documents exclusively published in this book are also referred to as treaties, agreements or *persetiaan*.

A *treaty* is defined¹ as an international agreement in writing between two countries (bilateral agreement) or among more than two countries (multilateral agreement). Such an agreement is also known as a *convention* (e.g. Geneva Convention), *protocol* (e.g. Kyoto Protocol) or *pact*, such as the Five Power Defence Pact. Normally, a treaty is determined by ratification and in Malaysia, after ratification, it is effected as municipal laws and enforced through an Act of Parliament.

On the contrary, an *agreement* takes on a wider definition. Besides a treaty in international law, the term is also applicable in company and commercial law and in general usage. An agreement means a consensus, oral or written, between two, or among more than two or more, parties. Any agreement which demands unequal commitment of the parties thereto may be referred to as *persetiaan* (a biased treaty).

It is estimated that there exist in excess of 200 documents/treaties involving the relations between the Malay states in the Peninsula and the British from 1786 to 1957. This does not include reports from British officers to the Government of British India dating to 1867 and thereafter, the Colonial Office in London; as well as letters from the Malay rulers and Chiefs to the British. A total of 100 such letters have been compiled.² These voluminous number of treaties/documents recorded the 'independent' position of the petty Malay states with regards to their external relations and certain internal affairs of their states; as well as the 'readiness' of the British to engage with the Malay rulers and Chiefs to counter Dutch influence (a rival colonial power to the British in the region at that time) and Siam, a neighbouring country influential in the northern states of the Peninsula. It is said that the external relations and internal affairs arranged through treaties and certain other documents is to a degree extraordinary in history.³ It was through these treaties too that the petty states were formed into a federation or confederation of

1 *Oxford Dictionary of Law* 2003:507. See also *Kamus Undang-undang Bahasa Inggeris–Bahasa Melayu*, Fajar Bakti Publication, Kuala Lumpur 2002:574.

2 *Warisan Warkah Melayu*, Gallop, A.T., The British Library 1994.

3 Allen, Stockwell & Wright 1981:1.

bigger states (Negeri Sembilan: the Treaty of 8th August 1895) or a federation of states (Federated Malay States: the Federation Agreement of 1895), and leading finally to a nation (Federation of Malaya: Federation of Malaya Agreement, 1957 and Malaysia: Agreement Relating to Malaysia, 1963).

Among these documents/treaties there is a document which is never signed by any party yet have been misleadingly considered as a treaty⁴ of cession of Penang by the Sultan of Kedah to the British. Also included are treaties signed exclusively between the British and the Dutch (Treaty of Holland, 1824) and with Siam (Treaty between Great Britain and Siam, 1909) yet they affected the Malay states. In addition, there were treaties which were not ratified⁵ by the British Administration i.e. the Governor-General of India or the Supreme Council of the East India Company.

There currently exist few publications on treaties relating to the Malay states and Malaysia. The more prominent publications are Maxwell & Gibson (ed.) [1924, London], Allen, Stockwell & Wright (ed.) [1981, New York] and Gallop, A.T.⁶ [1994, London]. Maxwell & Gibson comprises almost 140 documents between the years 1786⁷ to 1921.⁸ Allen, Stockwell & Wright was published in two volumes and comprises documents dating to 1963 (Formation of Malaysia). Gallop, A.T. features 100 selected Malay letters and was published for the National Archives of Malaysia in conjunction with Visit Malaysia Year 1994.

This book, *Old Treaties and Documents of Malaysia 1791–1965* differs from earlier publications in that it is the first bilingual publication (*Bahasa Melayu* and English) produced and published in Malaysia by Malaysians and Malaysian institutions.

The book contains 26 old documents/treaties which have been selected based on what is considered important, famous and generally known to the society at large, and are arranged in a chronological order, similar to Allen, Stockwell & Wright. The *Treaty with the King of Quedah 1791* has been included in this publication to point to the misleading belief that Penang was ceded to the East India Company in 1786. The British occupied Penang by force before the 1791 Treaty was entered into. The Treaty of 1791 granted the British the first lawful occupation

4 *Conditions of the King of Kedah relating to the Cession of Penang and the Replies of the Governor-General and Council to the King of Kedah, 1786* in Maxwell & Gibson 1924:95–96. See also Allen, Stockwell & Wright 1981:130–131.

5 Allen, Stockwell & Wright 1981:370 and 377–378: *Perak Agreement 18 October 1826*.
6 *op. cit.*

7 *Conditions of the King of Kedah relating to the Cession of Penang and the Replies of the Governor-General and Council to the King of Kedah, 1786* in Maxwell & Gibson 1924:95–96.

8 *Custom Conventions between Siam and the Federated Malay States and the Protected Malay States 1921*.

in the Malay states and later the British establishment of a settlement in Singapore (*Sir Stamford Raffles' Agreement, 1819*).

Chapters 4 and 5 feature the *Treaty between Great Britain and Johor, 1824* and the *Treaty of Holland, 1824*. Both are significant treaties in that, firstly they relate to the transfer of Singapore to the British and secondly, by the *Treaty of Holland, 1824* the British permanently reoccupied Melaka until the formation of the Federation of Malaya on 31 August 1957 by virtue of the *Federation of Malaya Agreement, 1957* (Chapter 22). It is also reported⁹ that both the abovementioned 1824 Treaties were tendered as evidence at the hearing at the International Court of Justice (ICJ), The Hague, Holland from 6–23 November 2007 on the overlapping claims over *Pulau Batu Putih*, the Middle Rocks and South Ledge by Malaysia and Singapore.

In chapters 6 and 7, two early treaties relating to Sarawak and Sabah with the British are presented. These two territories were later federated into Malaysia by the *Agreement Relating to Malaysia, 1963* (Chapter 24).

The signing of the *Pangkor Treaty, 1874* (Chapter 8) marked the beginning of British intervention on a major scale in the internal affairs of the Malay states after the London Colonial Office had taken over the administration of the Straits Settlements from the Colonial Office in British India. Allen, Stockwell & Wright¹⁰ made the observation that similar treaties were subsequently entered into with other Malay states soon after the Pangkor Agreement and that the Pangkor Agreement represents the formal model of subsequent treaties with most of the other Malay states—Selangor (1875), Pahang (1887) and Negeri Sembilan (beginning in 1889 and followed by the 1875 Treaty, Chapter 11). Later in 1895, four states i.e. Perak, Selangor, Pahang and Negeri Sembilan were federated and known as the Federated Malay States pursuant to the *Treaty of Federation, 1895* (Chapter 12).

The Treaty between Great Britain and Siam, 1909 (Chapter 13) was significant in two aspects: Firstly, it transferred all rights of suzerainty, protection, administration and control of the states of Kelantan, Terengganu, Kedah and Perlis from Siam to the British. Secondly, it formed the basis of boundary demarcation between Siam and the states in the north of the Malaya Peninsula (Appendix I). Subsequent to the 1901 Treaty, the British attempted to exert further intervention in the administration of Kelantan and Terengganu—The British were less willing to intervene in the administration of Kedah and Perlis because by the 1905 Treaty between Britain and Siam, Kedah and Perlis had already accepted British Advisors. By the 1910 Treaty the British succeeded in their intervention in the state administration of Kelantan (Chapter 14) and Terengganu (Chapter 15).

⁹ *Utusan Malaysia*, Thursday 15 November 2007 p.1 and 3 and *The New Straits Times*, Friday 9 November p.20 and Tuesday 13 November 2007 p.4.

¹⁰ Allen, Stockwell & Wright 1981:385.

The Declaration of the Commander of the Nippon Army, 1942 made after Japan conquered the Malay Peninsula and Singapore in the Second World War is featured in Chapter 18. Japan was the first to colonise *all* states in the Malay Peninsula. Following the Japanese rule and in late 1945, the British who returned to administer the Malay states successfully 'persuaded' every Malay ruler to sign the 'MacMichael Agreement' on the Malayan Union. Chapter 19 contains the 'MacMichael Agreement' relating to the state of Perlis, as an example.

The Agreement for the Constitution of a Malayan Establishment, 1948 signed early in that year (Chapter 21) represents British efforts at establishing a public service for the Malayan Union. Although the Malayan Union failed because of strong Malay opposition, the 1948 Agreement laid the basic framework for the establishment of the public service in Malaysia.

In mid-1948, A.T. Newbould, the British High Commissioner declared a state of Emergency throughout the Federation of Malaya (Chapter 20). The Emergency continued beyond the Independence of Malaya in 1957.

The Federation of Malaya Agreement, 1957 (Chapter 22) is an important document for it spelt the independence of the Malay states (including Penang and Melaka) from the British and established the Federation of Malaya. In 1963, Sabah, Sarawak and Singapore joined the Federation of Malaya through an agreement (Chapter 24) which led to the formation of Malaysia. Two years later, however, Singapore was separated from Malaysia through an Act of Parliament (Chapter 26). In being part of Malaysia in 1963 and subsequently separated from Malaysia in 1965, Singapore had achieved its independence from the British through Malaysia.

Among the documents included in this book are the original texts in the Malay language (Chapter 25; *Pemashhoran Malaysia, 1963*), the transliterated text from the Jawi script (Chapter 23; *Pemasyhuran Kemerdekaan, 1957*) and the original texts in the English language. All original texts are presented as they are in order to preserve their authenticity. Most of the documents in this book, however, are translations from English into *Bahasa Melayu*. These are noted as footnotes of each chapter.

Maxwell & Gibson adopted a more strict approach in distinguishing *treaties*, *agreements*, *engagements*, *protocols* and *conventions* (perhaps they know better because Maxwell and Gibson once served as the Secretary-General to the Government and Legal Advisor, respectively, of the Federated Malay States!) compared to Allen, Stockwell & Wright who merely named the documents as either *treaties* or *documents*.

In the process of translating for this publication (no translation was done from *Bahasa Melayu* into English), particular efforts were made to produce translations which are natural and compatible with *Bahasa Melayu*. This required making

decisions on the more appropriate and suitable equivalent in the target language, i.e. *Bahasa Melayu*. However, in some cases, there are no *Bahasa Melayu* equivalent for certain ranks, positions and honorifics of British officials and are thus not translated (see Chapter 5; *The Treaty of Holland, 1824*) as it is believed that in doing so, it does not prejudice the actual intended meaning in the original document.

In this connection, it is also noted that the ranks, positions and honorifics of Malay rulers and Chiefs are more specific. In the English text, the honorifics *His Highness* and *His Excellency* are given to a Ruler (even if he is only a Regent) and other Chiefs, respectively. In this translation, care was taken in selecting the *Bahasa Melayu* equivalent for the ranks, positions and honorifics of Malay rulers and Chiefs.

On another aspect, it is known that the *Bahasa Melayu* equivalent of the term, *treaty* (often found in the English source text) includes *triti*, *perjanjian* or *persetiaan*. In this book, where a *treaty* is biased against a certain party, then it assigned the equivalent *persetiaan* (see for example, Chapter 2; *Persetiaan dengan Naning, 1801* and compare *Perkara X* with *Perkara XI*) while others are given the equivalent *perjanjian*. Undoubtedly, it cannot be disputed that there may be differing views on this matter although careful considerations have been given in assigning these terms.

In translating old documents, one would face the problem of translating archaic words and expressions. This publication was also not spared the problem (see for example, *bhar*, *Mussulman*, and *Heathen* in Chapter 2; *Treaty with Naning, 1801* and *bottoms* in Chapter 5, *Treaty of Holland, 1824*). Guided by old dictionaries such as the *Oxford Dictionary*, a diligent study was made on these archaic words and expressions before assigning their equivalents in *Bahasa Melayu*, using the English-Malay dictionaries available.

In addition, there are also titles and names of places which are spelt according to the English pronunciation of the maker of the documents (see for example, *Iang de per Tuan*, *Toonkoo* and *Quedah* in Chapter 1, or *River Panagie* in Chapter 2, or *Kuala Tabar* in *Annexe I*). In this instance, these words were 'translated' into *Bahasa Melayu* so that contemporary readers can understand them and associate them with the current names and titles.

There are also foreign terms (see for example, *thalweg* in *Annexe I*) the spelling of which has been maintained when translated into *Bahasa Melayu* (refer to DBP; *Istilah Undang-undang*, 2003:81 or Mahkamah Agung Malaysia; *Daftar Istilah Undang-undang* 1990:236). These terms are explained, as much as is possible, in the footnotes.

Furthermore, there are also situations where the source documents procured were 'incomplete' (see *Annexe I* and *Annexe II*) and efforts to trace and piece

ISBN 978-963-068-305-8



9 789830 683058



Institut Terjemahan Negara Malaysia



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA